



# 1001 Masalah

Abu Al-Mokhtar Sedia Menjawab

## Al-Shaykh Abdul Qadir al-Mandili dan Kitabnya

yang Telah Heboh Diperkatakan Di Dalam Akhbar

(3)

Bagi menjawab pertanyaan saudara Saleh bin Muhammad Ali, Seremban, tentang kandungan kitab (*Beberapa Mutiara yang Bagus Lagi Indah*) karangan *Faḍīlat al-Shaykh Abdul Qadir al-Mandili*, guru di Masjid al-Harām Makkah al-Mukarramah, kita sajikan di sini satu masalah lagi yang telah dihuraikannya dalam kitabnya itu, seperti berikut:

### Menceraikan Agama daripada Siyasah

Tatkala menjawab satu pertanyaan yang berbunyi: “Apa makna menceraiakan agama daripada siyasah (politik), dan apa hukumnya?” Beliau berkata (*madmūnnya*):

*Al-Shaykh Mustafa Sabri*, bekas *Shaykh al-Islām* negeri Turki, berkata di dalam kitabnya (*Mawqif al-‘aql wa al-‘ilm wa al-‘ālam*):

“*Inna faṣla al-dīni ‘ani al-siyāsati ma ‘nāhu anna lā takūna al-ḥukūmatu maqidatan fī qawānīhā bi qawā ‘id al-dīn.*” (Juzuk 4, muka 284).

Ertinya: “Bahwasanya menceraikan agama daripada politik itu maknanya bahawa kerajaan tidak terikat pada segala undang-undangnya dengan segala kaedah Islam.”

Lebih lanjut *Faḍīlat al-Shaykh Abdul Qadir al-Mandili*

berkata:

Menceraiakan agama daripada siyasah itu haram, kerana perbuatan yang demikian menunjukkan bahawa agama itu tidak dimestikan menjadi dasar kerajaan, dengan sebab menyangka bahawa agama itu memadai diamalkan oleh rakyat jelata sahaja. Jelasnya, menurut faham puak yang menceraikan agama daripada siyasah, bahawa agama itu tidak menguasai kerajaan, dan tidak mesti menguasai kerja yang dilakukan oleh kerajaan, sebagaimana kerajaan menguasai rakyat jelata dan menguasai pekerjaan rakyat jelata.

Dengan jalan yang demikian, maka kerajaan itu boleh dan bebas melakukan segala pekerjaan yang mungkar seperti mengharuskan menjual arak, menjual kehormatan (meneluarkan lesen untuk perempuan-perempuan lacur – P.) dan makan riba.

Bahkan perbuatan menceraikan agama daripada siyasah ini lebih besar mudaratnya daripada perbuatan menceraikan agama daripada rakyat jelata. Kerana kerajaan berkuasa melarang rakyat jelata daripada segala pekerjaan yang mungkar tetapi rakyat jelata tidak berkuasa melarang kerajaan selama mereka tunduk di bawah perintahnya.

*Al-Shaykh Mustafa Sabri*, berkata dalam kitabnya yang tersebut (muka 281, Juzuk 4):

Pada hakikatnya, bahawa perbuatan menceraikan agama daripada siyasah itu adalah satu ((pakatan jahat)) (*mū’āmarah*) terhadap Islam dengan tujuan hendak membinasakannya, dan sesungguhnya dalam tiap-tiap perbuatan bid’ah yang dilakukan oleh orang-orang moden yang meniru

orang-orang Barat adalah terselit tipu daya terhadap agama dan tujuan-tujuan menentang agama, tetapi tipu daya mereka dalam menceraikan agama daripada siyasah itu lebih celaka dan lebih besar daripada tipu daya mereka pada perkara-perkara yang lain. Perbuatan (menceraikan agama daripada siyasah) itu ialah satu pemberontakan yang dilancarkan oleh kerajaan terhadap agama rakyat jelata, padahal lazimnya segala pemberontakan itu dilancarkan oleh rakyat terhadap kerajaan. Demikian juga perbuatan (menceraikan agama daripada siyasah) itu ialah perbuatan derhaka yang dilakukan oleh kerajaan terhadap hukum-hukum Islam, bahkan perbuatan itu menjadikan kerajaan berlaku murtad, yang kemudiannya akan menyebabkan rakyat pula berlaku murtad. Kalau sekalian rakyat Islam dalam pemerintahan kerajaan yang tersebut tidak dipandang murtad dengan sifat mereka orang-orang perseorangan (*afrād*) maka mereka murtad dengan sifat mereka satu kumpulan (*jamā'ah*), sedang sesuatu kumpulan itu lebih hampir jalan mereka kepada kufur daripada sekalian orang-orang perseorangan.

Demikian huraian *al-Shaykh* Mustafa Sabri, bekas *Shaykh al-Islām* negeri Turki yang telah disalankan oleh *al-Shaykh* Abdul Qadir al-Mandili.

Lebih lanjut *Faḍīlat al-Shaykh* Abdul Qadir al-Mandili berkata:

Tambahan lagi, bahwasanya menceraikan agama daripada siyasah (politik) itu, menjadikan kerajaan Islam itu terkeluar daripada simpulan Islam dan daripada diawasi oleh Islam, dan menjadikan rakyat jelata juga terkeluar daripada simpulan Islam dengan sebab

mereka memilih akan kerajaan yang membelakangkan hukum-hukum Islam menjadi kerajaan yang mengendalikan pemerintahan negara mereka. Istimewa kerajaan yang bersandar kepada Parlimen (Dewan Perwakilan Rakyat) yang bersandarkan kepada umat (rakyat jelata), maka sifat kerajaan yang menjalankan dasar menceraikan agama daripada siyasah, samalah seperti menyeru kepada ((*riddah*)) (perbuatan yang menjadikan murtad) akan kerajaan dan rakyat jelata.

Kesimpulannya, perbuatan menceraikan agama daripada siyasah itu adalah perbuatan kufur, istimewa apabila Islam itu diturunkan daripada kerusi hukumnya dengan tangan orang-orang Islam sendiri, sebagaimana yang berlaku di negeri Turki pada masa Mustafa Kamal menggantikan kerajaan Islam (yang menjalankan hukum-hukum Islam) dengan sebuah kerajaan yang dibentuknya, iaitu kerajaan ((*Lā dīnī*)) (tidak beragama). Padahal Islam itu tinggi dan tidak ada sesuatu pun yang boleh mengatasinya.

Adapun yang mula-mula menceraikan agama daripada politik ialah kerajaan-kerajaan Barat Kristian, lalu berjangkit kepada setengah-setengah kerajaan Islam di sebelah Timur, kerana orang-orang Islam yang telah dijajah akal fikirannya oleh faham orang-orang Barat itu menyangka bahawa perbuatan menceraikan agama daripada politik: membawa kemajuan. Mereka pun kiaskan agama Islam kepada agama Kristian, padahal kiasan mereka yang tersebut adalah salah dan tidak sah, kerana agama Kristian telah berubah daripada yang diturunkan kepada Nabī ‘Isā ‘alayhi al-salām, sedang agama Islam tiada berubah walaupun satu huruf daripada apa yang diturunkan kepada Junjungan kita Nabī Muḥammad *sallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*. Dan juga kerana agama Islam tidak

terhad semata-mata kepada ibadah, bahkan meliputi akan *mu'amalāh* (segala urusan yang mengenai masyarakat – P.), ‘*Uqūbāt* (hukuman-hukuman yang dikenakan kepada orang-orang yang bersalah P.), siyahah, dan tiap-tiap pekerjaan yang termasuk dalam segala pekerjaan yang diuruskan oleh segala jabatan kementerian dan Dewan Perwakilan Rakyat.

Jelasnya, Islam itu ialah ibadat dan syariat,

meluaskan dan menolak, dunia dan akhirat.

Islam itu meliputi sekalian pemeluknya sebagai agama dan kedaulatan (undang-undang negara), dan juga

menjadi kebangsaan bagi umat Islam. Islam juga melenyapkan segala perbezaan, seperti perbezaan warna kulit dan menghancurkan kebangsaan pemeluk-pemeluknya dengan menjadikan mereka berkebangsaan Islam. Islam menyatu padukan pemeluk-pemeluknya dan meletakkan mereka pada taraf yang sama (berdiri sama tinggi, duduk sama rendah).

Tidak ada kelebihan bagi seseorang atas seseorang yang lain melainkan dengan takwa dan amal yang soleh.

Demikian *madmūn* huraian *Fadīlat al-Shaykh Abdul Qadir al-Mandili* mengenai masalah ini.

## **Shaykh Abdul Rahman Shibli Sarawak Shaykh Haji di Makkah Al-Mukarramah**

(Telegram : Shibli Makkah)

(Peti surat nombor 188)

Sedia menyembah dan menjaga segala urusan saudara-saudara di Makkah, di Madinah, di Arafah dan di Mina dengan sepenuh-sepenuh puas hati. Timbang dan apa-apa perbelanjaan menurut apa yang ditetapkan oleh kerajaan Saudi Arabiyah, yang sentiasa memelihara keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan sekalian saudara yang mengunjungi tanah suci, yang sedia teratur perhubungan secara modern dengan belanja yang murah.

BerShaykhlah dengan Shaykh Shibliyang berdekatan dengan Masjidil Haram.

Berhubunglah dengan wakil kita:

HAI AWAD BIN JA'AFAR

AHMAD MUSTAPHA AL-EDRUS

115-1 Minto Road,  
Singapore, 7.

Jalan Haji Mataim,  
Kuching, Sarawak

Atau kepada:

A.H EDRUS

356/8 Geylang Road,  
Singapore,14.

Yang akhir ini akan bersedia memberi dan petunjuk-petunjuk kepada orang-orang haji yang akan berShaykh dengan Shaykh Abdul Rahmann ShibliSarawak.